

## SURAH YUSUF



Surah: 12 Juzuk: 12/13 Bil. Ayat: 111

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Raa. Ini ialah ayat-ayat al-Quran yang nyata.
2. Sesungguhnya Kami telah menurunkannya sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab semoga kamu berfikir.
3. Kami menceritakan kepadamu (wahai Muhammad) sebaik-baik cerita dengan mewahyukan Al-Quran ini kepadamu sedangkan sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, termasuk dalam golongan orang yang tidak mengetahui.
4. (Ingatlah peristiwa) ketika Yusuf berkata kepada bapanya: «Wahai ayahku<sup>(1)</sup>! Sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan, aku melihat mereka sujud kepadaku».
5. Bapanya berkata: «Wahai anakku! Janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khawatir mereka akan menjalankan sesuatu tipu daya terhadapmu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّيَّةَ أَيَّتُهَا آيَةُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ ﴿١﴾

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِن كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾

إِذ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِذْ رَأَيْتُ  
أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ  
رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ﴿٤﴾

قَالَ يَبْنَئِي لَأَتَقُصَّ رُءْيَاكَ عَلَى إِخْوَتِكَ  
فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ  
عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٥﴾

1 Bapa nabi Yusuf a.s ialah nabi Yaakub a.s, bin Ishak a.s, bin Ibrahim a.s.

6. Dan demikianlah caranya Tuhanmu memilihmu dan akan mengajarmu sebahagian daripada tafsir mimpi serta akan menyempurnakan nikmatNya kepadamu dan kepada keluarga Yaakub sebagaimana Dia telah menyempurnakannya kepada nenek moyangmu dahulu, Ibrahim dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana».
7. Sesungguhnya! (Kisah) Yusuf dan saudara-saudaranya itu mengandungi tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang yang bertanya (tentang keadaan mereka untuk mengambil iktibar).
8. (Kisah itu bermula) ketika saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): «Sesungguhnya Yusuf dan adiknya<sup>(1)</sup>, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, sedangkan kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam kesesatan (tidak adil) yang nyata».
9. (Ramai di antara mereka berkata): «Bunuhlah Yusuf atau buanglah dia ke suatu tempat yang jauh, supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata dan supaya kamu selepas itu menjadi orang yang baik<sup>(2)</sup> dan berguna».

وَكَذَلِكَ يَجْتَبِيكَ رَبُّكَ وَيُعَلِّمُكَ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ وَيُتِمُّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ وَعَلَىٰ آئِلَةٍ يَعْقُوبَ كَمَا أَتَمَّهَا عَلَىٰ أَبَوَيْكَ مِنْ قَبْلُ ۖ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ إِنَّ رَبَّكَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

﴿٦﴾ لَقَدْ كَانَ فِي يُوسُفَ وَإِخْوَتِهِ آيَاتٌ لِّلسَّاعِلِينَ ﴿٧﴾

إِذْ قَالُوا لِيُوسُفُ وَأَخُوهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِمَّا نَحْنُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ إِنَّ آبَاءَنَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٨﴾

أَقْتُلُوا يُوسُفَ أَوْ اطْرَحُوهُ أَرْضًا يَخْلُ لَكُمْ وَجْهَ أَبِيكُمْ وَتَكُونُوا مِنْ بَعْدِهِ قَوْمًا صَالِحِينَ ﴿٩﴾

1 Bunyamin.

2 Iaitu setelah membunuh nabi Yusuf a.s, mereka bertaubat kepada Allah serta =

10. Salah seorang di antara mereka berkata: «Janganlah kamu membunuh Yusuf tetapi campaklah dia ke dalam perigi, supaya dia dipungut oleh sebahagian daripada orang yang musafir (yang lalu di situ), jika kamu tetap hendak menjalankan rancangan kamu itu».
11. Mereka pun (pergi berjumpa dengan bapa mereka lalu) berkata: «Wahai ayah kami! Mengapa ayah tidak percaya kepada kami tentang Yusuf, sedangkan sesungguhnya kami sentiasa ikhlas mengambil berat tentangnya?»
12. Biarkan dia pergi bersama kami esok, supaya dia bersuka ria dan bermain-main dengan bebasnya. Sesungguhnya kami akan menjaganya dengan sebaik-baiknya».
13. Bapa mereka menjawab: «Pemergian kamu membawanya bersama sangatlah menyedihkan aku dan aku pula bimbang dia akan dimakan oleh serigala ketika kamu lalai daripada menjaganya».
14. Mereka berkata: «Jika dia dimakan oleh serigala sedang kami dalam satu kumpulan (yang kuat), sesungguhnya kami pasti menjadi orang yang rugi<sup>(1)</sup>».

قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ لَا تَقْتُلُوا يُوسُفَ وَأَلْفُوهُ  
فِي عَيْبَتِ الْجُبِّ يَلْتَقِطُهُ بَعْضُ السَّيَّارَةِ  
إِنْ كُنْتُمْ فَاعِلِينَ ﴿١٠﴾

قَالُوا يَا أَبَانَا مَا لَكَ لَا تَأْتِنَا عَلَى يُونُسَ وَإِنَّا  
لَهُ وَالتَّحِصُونَ ﴿١١﴾

أَرْسَلَهُ مَعَنَا غَدًا يَرْتَع وَيَلْعَبُ وَإِنَّا لَهُ  
لَحَافِظُونَ ﴿١٢﴾

قَالَ إِنِّي لَيَحْزُنُنِي أَنَّ تَذْهَبُوا بِهِ وَأَخَافُ أَنْ  
يَأْكُلَهُ الذِّئْبُ وَأَنْتُمْ عَنْهُ غَافِلُونَ ﴿١٣﴾

قَالُوا لَئِنْ أَكَلَهُ الذِّئْبُ وَنَحْنُ عُصْبَةٌ  
إِنَّا إِذَا الْخَيْرُ نَوْتٌ ﴿١٤﴾

= mengerjakan amal-amal soleh.

1 Menjadi seorang pengecut yang hidupnya tidak lagi bererti.

15. Setelah mereka pergi dengan membawanya bersama dan mereka telah sepakat hendak melepaskannya ke dalam perigi, (mereka pun melakukan yang demikian) dan Kami pula mewahyukan kepadanya: «Engkau kelak pasti akan menceritakan perbuatan ini kepada mereka, sedang mereka tidak menyedari».

فَلَمَّا ذَهَبُوا بِهِ وَاجْمَعُوا أَن يَجْعَلُوهُ فِي غِيَابَتِ  
الْبُيُوتِ وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُمْ بِأَمْرِهِمْ هَذَا  
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٥﴾

16. Dan selepas itu mereka datang mendapatkan bapa mereka pada waktu senja sambil berpura-pura menangis.

وَجَاءَ آبَاؤَهُمْ عِشَاءً يَبْكُونَ ﴿١٦﴾

17. Mereka berkata: «Wahai ayah kami! Sesungguhnya kami telah pergi berlumba-lumba berburu dan kami telah tinggalkan Yusuf menjaga barang kami, lalu dia dimakan oleh serigala. Pasti ayah tidak akan percaya kepada ucapan kami ini, sekali pun kami adalah orang yang benar».

قَالُوا يَا أَبَانَا إِنَّكَ لَنَاصِتٌ وَتَرَكْنَا  
يُوسُفَ عِنْدَ مَتَاعِنَا فَأَكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا  
أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ ﴿١٧﴾

18. Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: «Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Maka hanya bersabar itulah yang terbaik (bagiku) dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, tentang apa yang kamu katakan itu».

وَجَاءَهُ وَعَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ  
سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْراً فَصَبْرٌ جَمِيلٌ  
وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

19. Dan (ketika Yusuf dalam perigi) telah datang ke tempat itu satu rombongan yang sedang dalam perjalanan, lalu mereka menghantar seorang pencari air bagi mereka. (Setelah sampainya dia ke perigi itu) dia pun menghulurkan timbanya (apabila tiba-tiba dia melihat Yusuf bergantung pada timbanya) lalu dia berkata: «Oh! (Ini) sungguh mengembirakan! Ini adalah seorang budak lelaki (yang cantik parasnya)». (Setelah mengetahui perkara itu, teman-temannya pun datang) lalu mereka menyembunyikan keadaan Yusuf yang sebenarnya (untuk dijual) sebagai barang dagangan. Allah jua Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan.
20. Dan (setelah berlaku perundingan) mereka pun menjualnya dengan harga yang murah iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya (harganya) dan mereka adalah orang yang tidak menghargainya<sup>(1)</sup>.
21. Dan (setelah Yusuf dijual di negeri Mesir), orang yang membeli Yusuf berkata kepada isterinya<sup>(2)</sup>: «Berilah dia layanan

وَجَاءَتْ سَيَّارَةٌ فَأَرْسَلُوا وَرِدَهُمْ فَاذَلَّتْ  
 دَلْوَهُ وَقَالَ تَبَشِّرْهُ هَذَا عَلِيمٌ وَاسْرُوهُ بِيضْعَةً  
 وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

وَسَرَّوهُ بِثَمَنٍ بَخِيسٍ دَرَاهِمَ مَعْدُودَةٍ  
 وَكَانُوا فِيهِ مِنَ الزَّاهِدِينَ ﴿٢٠﴾

وَقَالَ الَّذِي اشْتَرَاهُ مِنْ مِصْرَ لِمَرْأَتِهِ  
 أَكْفِي مِثْلَهُ عَسَىٰ أَنْ يَنْفَعَنَا أَوْ

1 Mereka merasa hati mereka tidak tertarik kepada Yusuf kerana beliau adalah anak yang ditemui di dalam perjalanan. Jadi mereka khuatir jikalau pemiliknya datang mengambilnya kelak. Oleh kerana itu, mereka tergesa-gesa menjualnya sekalipun dengan harga yang murah.

2 Orang Mesir yang membeli nabi Yusuf a.s itu adalah seorang raja Mesir bernama Qitfir dan isterinya bernama Zulaikha.

yang sebaik-baiknya, semoga dia berguna kepada kita atau kita jadikan dia anak». Demikianlah caranya Kami menetapkan kedudukan Yusuf di bumi (Mesir untuk dihormati dan disayangi) dan untuk Kami mengajarnya sebahagian daripada ilmu tafsir mimpi. Allah jua Maha Berkuasa melakukan segala perkara yang telah ditetapkanNya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

22. Dan ketika Yusuf sampai ke peringkat umurnya yang sempurna kekuatannya<sup>(1)</sup>, Kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu. Demikianlah kami membalas orang yang melakukan kebaikan.
23. Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf menyukai dirinya dan perempuan itu pun menutup pintu serta berkata: «Marilah ke sini, aku bersedia untukmu». Yusuf menjawab: «Aku berlindung kepada Allah (daripada perbuatan yang keji itu). Sesungguhnya tuanku telah memeliharaku dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya orang yang zalim tidak akan berjaya».

تَتَّخِذُهُ وُلْدًا وَكَذَلِكَ مَكَّنَّا لِيُوسُفَ فِي الْأَرْضِ وَلِنُعَلِّمَهُ مِن تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَى أَمْرِهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَءَاتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢﴾

وَرَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِ وَغَلَّقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْبَ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿١٣﴾

1 Nabi Yusuf a.s mencecah usia antara 30-40 tahun.

24. Dan sebenarnya perempuan itu sangat berkeinginan kepadanya dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu jika dia tidak menyadari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan daripada Yusuf perkara yang tidak baik serta perbuatan yang keji kerana sesungguhnya dia tergolong daripada hamba Kami yang dibersihkan daripada segala dosa.

25. Dan mereka berdua berlumba menuju ke pintu serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang, lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): «Apakah balasan bagi orang yang mahu melakukan kejahatan terhadap isterimu selain dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang sangat pedih».

26. Yusuf pula berkata: «Dialah yang menggodaku dan merayu diriku». (Suaminya tercengang mendengarnya) lalu seorang daripada keluarga perempuan itu memberikan kesaksian dengan berkata: «Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu dan Yusuf daripada orang yang dusta.

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنْ رَأَى  
بُرْهَانَ رَبِّهِ كَذَلِكَ لِنَصَّرَفَ عَنْهُ  
السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا  
الْمُخْلِصِينَ ﴿١٤﴾

وَأَسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ  
وَأَلْفَيْتَا سَيْدَهَا لَدَا الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ  
أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسَجَّنَ أَوْ عَذَابٌ  
أَلِيمٌ ﴿١٥﴾

قَالَ هِيَ رَأَوْنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهِدَ  
شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَمِيصُهُ وَفَدَّ  
مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿١٦﴾

27. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu dan Yusuf adalah daripada orang yang benar».
28. Maka ketika dia (suami perempuan itu) melihat baju Yusuf koyak dari belakang, dia berkata: «Sesungguhnya ini adalah tipu daya kamu. Sesungguhnya tipu daya kamu sangat hebat.
29. Wahai Yusuf, lupakanlah hal ini<sup>(1)</sup>. Engkau pula (wahai Zulaikha), beristighfarlah bagi dosamu, sesungguhnya engkau adalah daripada orang yang bersalah!»
30. Dan (sesudah itu) wanita di bandar Mesir (mencaci hal Zulaikha dengan) berkata: «Isteri Al-Aziz<sup>(2)</sup> itu menggoda hambanya (Yusuf) (agar) berkehendakkan dirinya. Sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudah meresap ke dalam hatinya. Sesungguhnya kami melihatnya berada dalam kesesatan yang nyata».
31. Maka apabila dia (Zulaikha) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan bagi mereka serta memberi kepada setiap seorang di antara mereka sebilah pisau. Pada ketika itu

وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدِّمَ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ  
مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٢٧﴾

فَلَمَّا رَأَتْ أَقْبِمُصَهُ وَقُدِّمَ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ  
مِنْ يَدَيْكُمْ إِنَّ إِيَّكُمْ كُنَّ عَظِيمًا ﴿٢٨﴾

يُوسُفُ أَعْرَضَ عَنْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرِي لَذَنبِكِ  
إِنَّكَ كُنْتِ مِنَ الْخَاطِئِينَ ﴿٢٩﴾

﴿٣٠﴾ وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ امْرَأَتُ الْعَزِيزِ  
تُرْوَدُ فَتَلْهَأُ عَنْ نَفْسِهِ قَدْ شَغَفَهَا حُبًّا  
إِنَّا لَنَرَاهَا فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ  
وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مَتَكًا وَآتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ  
مِنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ  
أَكْبَرْتَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ  
مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

1 Rahsiakan peristiwa ini.

2 Al-Aziz sebutan bagi raja di Mesir ketika itu.



dia berkata (kepada Yusuf): «Keluarlah di hadapan mereka». Maka ketika mereka melihatnya, alangkah terujanya mereka (melihat kecantikan parasnya) dan tanpa disadari, mereka telah melukakan tangan mereka sambil berkata: «Maha Suci Allah daripada kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain hanyalah malaikat yang mulia!»

32. (Zulaikha) berkata: «Inilah orangnya yang kamu tempelak aku mengenainya! Sebenarnya aku telah menggodanya berkehendakkan dirinya tetapi dia menolak dan berpegang teguh kepada kesuciannya dan sesungguhnya jika dia tidak mahu melakukan apa yang aku suruh, pasti dia akan dipenjarakan dan akan menjadi daripada orang yang hina».

33. Yusuf (merayu ke hadrat Allah Taala dengan) berkata: «Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara daripada apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka dan aku menjadi daripada orang yang jahil».

34. Maka Tuhannya memperkenankan doanya, lalu dijauhkan daripadanya tipu daya

قَالَ فَذَلِكَ الَّذِي لَمُنْتَنِي فِيهِ وَقَدْ رَاوَدُهُ  
عَنْ نَفْسِهِ فَاسْتَعْصَمَ وَلَئِن لَّمْ يَفْعَلْ مَا  
ءَامَرُهُ لَيَسْجَنَنَّ وَلَيَكُونَ مِنَ الصَّاغِرِينَ ﴿٢٣﴾

قَالَ رَبِّ الْمَسْجِنِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونِي إِلَيْهِ  
وَالْأَنْصَرِفَ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ  
الْجَاهِلِينَ ﴿٢٣﴾

فَأَسْتَجَابَ لَهُ رَبُّهُ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَّ إِنَّهُ  
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٤﴾

mereka. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

35. Kemudian timbul fikiran pada mereka setelah melihat tanda-tanda (kebenaran Yusuf) bahawa mereka harus memenjarakannya hingga ke suatu masa<sup>(1)</sup>.
36. Dan masuklah bersama-samanya ke dalam penjara dua orang pemuda<sup>(2)</sup>. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: «Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur». Dan berkata pula yang seorang lagi: «Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti di atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung.» (Kemudian keduanya berkata): «Terangkanlah kepada kami akan tafsirnya. Sesungguhnya kami melihatmu dari kalangan orang yang baik».
37. Yusuf menjawab: «(Aku bukan sahaja dapat menerangkan mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat

ثُمَّ بَدَأَ لَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا رَأَوُا الْآيَاتِ  
لَيْسَ جُنَّتَهُ وَحَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾

وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٍ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي  
أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا وَقَالَ الْآخَرُ إِنِّي أَرَانِي  
أَحْمِلُ فَوْقَ رَأْسِي خُبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ  
نَبِّئْنَا بِتَأْوِيلِهِ إِنَّا نَرَاكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٦﴾

قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ تُرْزَقَانِهِ إِلَّا نَبَّأْتُكُمَا  
بِتَأْوِيلِهِ قِيلَ أَنْ يَأْتِيَكُمَا ذَلِكُمَا وَمَا  
عَلَّمْنِي رَبِّي إِلَّا تَرَكْتُ مَلَأَ قَوْمٌ لَابُؤْمُونٍ  
بِاللَّهِ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ﴿٢٧﴾

1 Setelah mereka melihat kebenaran nabi Yusuf a.s, namun demikian mereka tetap memenjarakannya juga supaya jelas bahawa yang bersalah adalah nabi Yusuf a.s dan orang ramai tidak lagi membicarakan hal ini.

2 Dua pemuda itu adalah pelayan-pelayan raja; seorang pelayan yang mengurus minuman raja dan yang seorang lagi tukang membuat roti.

memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian daripada apa yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanku. Dengan sebab itu aku meninggalkan agama kaum yang tidak beriman kepada Allah serta tidak pula percaya kepada hari akhirat.

38. Dan aku mengikut agama nenek moyangku, Ibrahim dan Ishak serta Yaakub. Tidaklah sepatutnya kita mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah. Itulah hasil daripada kurniaan Allah kepada kita dan umat manusia. Tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.
39. «Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai, itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Berkuasa?
40. Apa yang kamu sembah selain daripada Allah, hanyalah nama-nama yang kamu dan nenek moyang kamu menamakannya, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah kecuali Dia. Itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ مَا كَانَ لَنَا أَنْ نُشْرِكَ بِاللَّهِ مِنْ شَيْءٍ ذَلِكَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٨﴾

يُصَلِّحِي السِّجْنَءَ أَرْبَابٌ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمْ اللَّهُ الْوَّاحِدُ الْقَهَّارُ ﴿٣٩﴾

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءُ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمَرَ آلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

41. «Wahai sahabatku berdua yang sepenjara! (Tafsir mimpi kamu itu ialah): ada pun salah seorang daripada kamu, maka dia akan memberi minum arak kepada tuannya. Ada pun yang seorang lagi, maka dia akan dipalang serta burung pula akan memakan sebahagian daripada kepalanya. Telah sempurnalah sudah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu».
42. Dan Yusuf berkata kepada orang yang dia percaya akan terselamat di antara mereka berdua: «Sebutkanlah keadaanku kepada tuanmu». (Setelah orang itu dibebaskan daripada penjara) maka dia dilupakan oleh syaitan untuk menyebutkan (tentang Yusuf) kepada tuannya. Dengan sebab itu tinggallah Yusuf dalam penjara beberapa tahun.
43. Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: «Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua kaum terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, jika kamu orang yang pandai mentafsirkan mimpi».

يُصَبِّحِي السِّجْنَ أَمَا أَحَدُكُمَا قَيْسِي  
رَبِّهِ وَحَمْرًا وَأَمَّا الْآخَرُ فَيُصَلِّبُ فَتَأْكُلُ  
الطَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ فُضِيَ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ  
تَسْتَفْتِيَانِ ﴿٤١﴾

وَقَالَ لِلَّذِي ظَنَّ أَنَّهُ نَاجٍ مِنْهُمَا اذْكُرْنِي  
عِنْدَ رَبِّكَ فَأَنْسَهُ الشَّيْطَانُ ذِكْرَ  
رَبِّهِ فَلَبِثَ فِي السِّجَنِ بِضْعَ سِنِينَ ﴿٤٢﴾

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ  
يَأْكُلْنَ سَبْعَ عِجَافٍ وَسَبْعَ سُنبُلَاتٍ  
خَضِرٍ وَأُخْرَى يُاسْتَكَبُ يَأْتِيهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي  
رُءْيَايَ إِنْ كُنْتُمْ لِلرُّءْيَى بَاطِلِينَ ﴿٤٣﴾

44. Mereka menjawab: «Yang demikian itu ialah mimpi-mimpi yang bercampur aduk dan kami bukanlah orang yang tahu mentafsir mimpi-mimpi (yang sedemikian) itu».
45. Dan (pada saat itu) orang yang terselamat di antara mereka berdua itu baru mengingati (pesanan Yusuf) selepas berlalu suatu masa yang panjang berkata: «Aku akan memberitahu kepada kamu tafsirannya. Maka hantarkanlah aku pergi (kepada orang yang mengetahui tafsirannya)».
46. (Setelah dia berjumpa dengan Yusuf, dia berkata): «Yusuf! Wahai orang yang benar! Tafsirkanlah kepada kami (mimpi mengenai) tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus. Kemudian tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya».
47. Yusuf menjawab: «Hendaklah kamu bercucuk-tanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya, kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.

قَالُوا أَضْغَاثُ أَحْلَامٍ وَمَا نَحْنُ بِتَأْوِيلِ الْأَحْلَامِ  
بِعَالِمِينَ ﴿٤٤﴾

وَقَالَ الَّذِي نَجَا مِنْهُمَا وَادَّكَرَ بَعْدَ أُمَّةٍ  
أَنَا أَنْبئَكُمْ بِتَأْوِيلِهِ فَأَرْسِلُونِ ﴿٤٥﴾

يُوسُفُ أَيُّهَا الصَّادِقُ افْتِنَانِي سَبْعَ بَقَرَاتٍ  
سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعُ عِجَافٍ وَسَبْعَ  
سُنْبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ لَعَلِّي أَرْجِعُ  
إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأَبًا فَمَا حَصَدْتُمْ  
فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾

48. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).
49. «Kemudian akan datang pula selepas itu, tahun yang padanya orang ramai mendapat rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)».
50. Dan (apabila mendengar tafsiran itu) raja Mesir berkata: «Bawalah dia kepadaku!» Maka ketika utusan raja datang kepada Yusuf (menjemputnya menghadap raja), Yusuf berkata kepadanya: «Kembalilah kepada tuanmu. Kemudian bertanyalah kepadanya: Apa halnya perempuan-perempuan yang melukakan tangan mereka? Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengetahui tipu daya mereka».
51. (Setelah perempuan-perempuan itu dipanggil), raja bertanya kepada mereka: «Apakah pandangan<sup>(1)</sup> kamu, ketika kamu menggoda Yusuf untuk menundukkan dirinya?» Mereka menjawab: «Maha Suci Allah daripada segala kecacatan, kami tidak mengetahui sesuatu

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادًا يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْتَصِنُونَ ﴿٤٨﴾

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعَصِرُونَ ﴿٤٩﴾

وَقَالَ الْمَلِكُ أَتُؤْمِنُ بِهِ فَمَا حَاجَّةُ الرَّسُولِ قَالَ أَرْجِعْ إِلَىٰ رَبِّكَ فَسَأَلَهُ مَا بَالَ الْإِنْسَانِ الَّتِي قَطَّعَ أَيْدِيَهُنَّ إِنَّ رَبِّي بِكَيْدِهِنَّ عَلِيمٌ ﴿٥٠﴾

قَالَ مَا خَطْبُكُمْ إِذْ رَأَوْتُنَّ يُوسُفَ عَنْ نَفْسِهِ قُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِنْ سُوءٍ قَالَتِ امْرَأَتُ الْعَرَبِيِّ الْأَخْنِ حَصْحَصَ الْحَقُّ أَنَا رَأَوْتُهُ عَنِ نَفْسِهِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٥١﴾

1 Keadaan di sini ialah pendapat perempuan-perempuan tentang nabi Yusuf a.s; apakah dia terpengaruh oleh godaan itu atau tidak.

kejahatan terhadap Yusuf». Isteri Al-Aziz pun berkata: «Sekarang ternyatalah kebenaran (yang selama ini tersembunyi), akulah yang memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya (tetapi dia telah menolak). Sesungguhnya dia adalah dari kalangan orang yang benar.

52. (Pengakuanku) yang demikian supaya dia mengetahui, bahawa aku tidak mengkhianatinya semasa dia tidak hadir (bersama di sini) dan bahawa Allah tidak menjayakan tipu daya orang yang khianat.
53. «Dan tiadalah aku berani membebaskan diriku (daripada dosa), sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali (nafsu) orang yang telah dirahmati oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani».
54. Dan (setelah mendengar pengakuan perempuan-perempuan itu), raja berkata: «Bawalah Yusuf kepadaku, aku hendak menjadikan dia pembantuku (dan penasihatku). Setelah (Yusuf dibawa menghadap dan raja) berkata-kata

ذَلِكَ لِيَعْلَمَ أَنِّي لَمْ أَخُنْهُ بِالْغَيْبِ وَأَنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي كَيْدَ الْفَآئِنِينَ ﴿٥٢﴾

﴿ وَمَا أَتَرَىٰ نَفْسِي إِلَّا النَّفْسَ لَأَمَّارَةً بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّيَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾ ﴿٥٣﴾

وَقَالَ الْمَلِكُ أَتُؤْمِنُ بِهِ ۖ أَسْتَخْلِصُهُ لِنَفْسِي ۗ فَلَمَّا كَلَّمَهُ قَالَ إِنَّكَ الْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ ﴿٥٤﴾ آمِينَ ﴿٥٤﴾

dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya) raja berkata kepadanya: «Sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yusuf), seorang yang berpangkat tinggi, lagi dipercayai di kalangan kami».

55. Yusuf berkata: «Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir). Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya lagi mengetahui cara mentadbirkannya».
56. Dan demikianlah caranya, Kami tetapkan kedudukan Yusuf memegang kuasa di bumi Mesir. Dia bebas tinggal di negeri itu di mana sahaja yang disukainya. Kami limpahkan rahmat Kami kepada sesiapa sahaja yang Kami kehendaki dan Kami tidak menghilangkan balasan baik orang yang melakukan kebaikan.
57. Dan sesungguhnya pahala hari akhirat itu lebih baik bagi orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa.
58. Dan (setelah tiba musim kemarau) datanglah saudara-saudara Yusuf (ke Mesir). Lalu masuklah mereka mendapatkannya; Yusuf dengan serta merta mengenali mereka, sedang mereka tidak mengenalinya<sup>(1)</sup>.

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْكُمْ ﴿٥٥﴾

وَكَذَلِكَ مَكَّنَّا يُوْسُفَ فِي الْأَرْضِ يَتَّبِعُ مِنْهَا حَيْثُ يَشَاءُ نُنْصِبُ بِرَحْمَتِنَا مَنْ نَشَاءُ وَلَا نُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

وَلَأَجْرُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

وَجَاءَ إِخْوَةُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ ﴿٥٨﴾

1 Sejarah menceritakan ketika terjadi musim kemarau di Mesir dan sekitarnya, maka saudara-saudara nabi Yusuf a.s datang dari Kan'an ke Mesir mengadap pembesar-



59. Dan ketika Yusuf menyediakan makanan untuk mereka, dia berkata: «(Lain kali) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan sukatan dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu?
60. Maka, jika kamu tidak membawanya kepadaku, maka tidak ada hak bagi kamu mendapatkan bekalan makanan di sisiku, dan janganlah kamu menghampiriku lagi».
61. Mereka menjawab: «Kami akan memujuk bapanya melepaskan dia bersama-sama kami dan sesungguhnya kami akan melakukannya».
62. Dan (selepas itu) Yusuf berkata kepada orang suruhannya. «Masukkanlah barang-barang dagangan<sup>(1)</sup> mereka pada tempat simpanan barang kenderaan mereka, supaya mereka mengetahuinya kelak ketika mereka kembali kepada keluarga mereka. Mudah-mudahan mereka datang lagi (ke negeri ini)<sup>(2)</sup>».
63. Maka ketika mereka kembali kepada bapa mereka, mereka

وَلَمَّا جَهَّزَهُمْ بِجَهَّازِهِمْ قَالَ أَتُنُونِي بِأَخٍ لَكُمْ  
مِّنْ أَيْكُمُ اللَّاتُونَ أُنِي أَوْ فِي الْكَيْلِ وَأَنَا خَيْرُ  
الْمُنْزِلِينَ ﴿٥٩﴾

فَإِن لَّمْ تَأْتُونِي بِهِ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِنْدِي وَلَا  
تَقْرَبُونِي ﴿٦٠﴾

قَالُوا سُرُدُودٌ عَنْهُ آباءُؤُنَا وَالنَّالِقَالُونَ ﴿٦١﴾

وَقَالَ لِفِتْيَانِهِ اجْعَلُوا بِضَاعَتَهُمْ فِي رِصَالِهِمْ  
لَعَلَّهُمْ يُعْرِفُونَهَا إِذَا انْقَلَبُوا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ  
لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٦٢﴾

فَلَمَّا رَجَعُوا إِلَىٰ أَبِيهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مُنِعَ

pembesar Mesir untuk meminta bantuan bahan makanan.

- 1 Iaitu barang-barang tukaran untuk mendapatkan makanan dan dikatakan bahan makanan itu ialah kulit dan terompah.
- 2 Tindakan ini diambil oleh nabi Yusuf a.s sebagai tipu helah dengan cara menanam budi kepada mereka agar mereka nantinya bersedia kembali lagi ke Mesir dengan membawa Bunyamin.

berkata: «Wahai ayahanda kami! Kami tidak akan mendapat lagi bekalan makanan (kiranya Bunyamin tidak pergi bersama). Maka, hantarkanlah dia bersamasama kami, supaya kami mendapat lagi bekalan makanan dan sesungguhnya pasti kami akan menjaganya dengan sebaik-baiknya».

64. Bapa mereka berkata: «(Jika aku lepaskan dia pergi bersamasama kamu), aku tidak menaruh kepercayaan kepada kamu menjaganya melainkan seperti kepercayaanku kepada kamu menjaga saudaranya dahulu (Yusuf)<sup>(1)</sup>, maka Allah jualah sebaik-baik Penjaga. Dialah jua Yang Maha Mengasihani di antara orang yang mengasihani»
65. Dan semasa mereka membuka barang-barang mereka, mereka dapati barang-barang dagangan mereka telah dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata dengan gembiranya: «Wahai ayahanda kami! Apa yang kita kehendaki lagi? Ini dia barang-barang dagangan yang kita jadikan tukaran (bagi mendapat gandum) itu telah dikembalikan kepada kita. Dan (dengan kemurahan hati menteri yang berbudi itu) akan dapatlah kami

مِنَّا الْكَئِيلَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا أَخَانَا  
نَكْتَلْ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٦٣﴾

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا ءَامَنُكُمْ  
عَلَىٰ أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ فَأَلَّهٖ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ  
أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴿٦٤﴾

وَلَمَّا فَتَحُوا مَتَاعَهُمْ وَجَدُوا بِضْعَتَهُمْ  
رُدَّتْ إِلَيْهِمْ قَالُوا يَا بَنَاتَنَا مَا نَبِيٓءُ هٰذِهِ  
بِضْعَتُنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا وَنَمِيرُ أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ  
أَخَانَا وَزَدَّادُ كَيْلٍ بَعِيرٍ ذَٰلِكَ كَيْلٌ  
بَيْسٍ ﴿٦٥﴾

1 Nabi Yaakub a.s tidak dapat membenarkan Bunyamin bersama saudara-saudaranya kerana dia khuatir akan terjadi kejadian seperti yang dialami oleh nabi Yusuf a.s dahulu.

membawa lagi bekalan makanan kepada keluarga kami dan pada masa yang sama kami pula akan dapat menjaga saudara kami, serta akan dapat tambahan bekalan makanan sebanyak muatan seekor unta lagi. Pemberian tambahan yang sebanyak itu mudah sekali ditunaikannya».

66. Yaakub berkata: «Aku tidak sama sekali akan melepaskan dia (Bunjamin) pergi bersama-sama kamu, sehingga kamu memberi kepadaku satu perjanjian yang teguh (bersumpah) dengan nama Allah, bahawa kamu akan membawanya kembali kepadaku dengan selamat, kecuali jika kamu semua dikepung dan dikalahkan oleh musuh». Maka ketika mereka memberikan perjanjian yang teguh (bersumpah) kepadanya, dia berkata: «Allah jualah yang menjadi Saksi dan Pengawas atas apa yang kita semua katakan itu».
67. Dan dia berkata lagi: «Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk (ke bandar Mesir) dari satu pintu sahaja, tetapi masuklah dari beberapa buah pintu yang berlainan. Dan aku (dengan nasihatku ini), tidak dapat menyelamatkan kamu daripada sesuatu takdir yang telah ditetapkan oleh Allah. Kuasa menetapkan sesuatu (sebab dan

قَالَ لَنْ أُرْسِلَهُ مَعَكُمْ حَتَّى تُؤْتُوا  
مَوْثِقًا مِنَ اللَّهِ لَتَأْتُنِي بِهِ إِلَّا أَنْ يُحَاطَ  
بِكُمْ فَلَمَّا آتَوْهُ مَوْثِقَهُمْ قَالَ اللَّهُ عَلَى مَا  
نَقُولُ وَكَيْلٌ ﴿٦٦﴾

وَقَالَ يَبْنَی لَاتَدْخُلُوا مِنْ بَابٍ وَاحِدٍ  
وَادْخُلُوا مِنْ أَبْوَابٍ مُتَفَرِّقَةٍ وَمَا أُغْنِي  
عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ إِنْ لَمْ تُكْرِمُوا اللَّهَ  
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَعَلَيْهِ فَاسْتَوَكَّلِ  
الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٦٧﴾

musabab) itu hanyalah bagi Allah. KepadaNyalah aku bertawakal dan kepadaNyalah hendaknya orang yang bertawakal berserah diri».

68. Dan ketika mereka masuk mengikut arah yang disuruh oleh bapa mereka, tidaklah suruhannya itu dapat menyelamatkan mereka daripada apa yang telah ditakdirkan oleh Allah sedikit pun, tetapi yang demikian itu hanyalah melahirkan hajat yang terpendam dalam hati Yaakub. Dan sesungguhnya dia orang yang berilmu kerana Kami telah mengajarnya (dengan perantaraan wahyu) tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (akan rahsia takdir Tuhan).
69. Dan ketika mereka masuk mendapatkan Yusuf, dia menempatkan saudara kandungnya (Bunyamin) bersama-samanya, sambil berkata kepadanya: «Akulah saudara engkau Yusuf, maka janganlah engkau berdukacita lagi disebabkan apa yang mereka lakukan».
70. Maka ketika dia membekalkan mereka dengan bekalan makanan (yang mencukupi keperluan) mereka, lalu dia meletakkan cupak (alat menyukat) raja di atas kenderaan saudaranya (Bunyamin), kemudian menyeru

وَلَمَّا دَخَلُوا مِنْ حَيْثُ أَمَرُهُمْ أَبُوهُمُ مَا كَانَ  
يَعْنِي عَنْهُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ تَتَىٰ إِلَىٰ الْإِحَاجَةِ  
فِي نَفْسٍ يَتَّقُونَ فَضَلَّهَا وَأَوَّانَهُ لَدُونِ عَالِي مَا  
عَلَّمَتْهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ  
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

وَلَمَّا دَخَلُوا عَلَىٰ يُوسُفَ أَوَّىٰ إِلَيْهِ أَخَاهُ  
قَالَ إِنِّي أَنَا أَخُوكَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

فَلَمَّا جَهَّزَهُمْ بِجَهَّازِهِمْ جَعَلَ السَّقَايَةَ  
فِي رَحْلِ أَخِيهِ ثُمَّ أَذِنَ مَوْلَانَهُ لِيَتَمَّ الْعِيرُ  
لِأَنَّكُمْ لَسَدِرُ فُؤَادِ ﴿٧٠﴾

seorang penyeru: «Wahai kafilah, sesungguhnya kamu adalah pencuri».

71. Mereka bertanya sambil menghadap ke arah penyeru-penyeru itu: «Apa benda kamu yang hilang?»
72. Penyeru-penyeru menjawab: «Kami kehilangan cupak (alat menyukat) raja. Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (makanan) sebanyak muatan seekor unta dan akulah yang menjamin pemberian itu».
73. Mereka berkata: «Demi Allah! Sesungguhnya kamu sedia mengetahui bahawa kedatangan kami bukanlah untuk melakukan kerosakan di bumi (Mesir ini) dan kami pula bukanlah pencuri».
74. Mereka (penyeru-penyeru) bertanya: «Maka apa balasan pencuri itu, jika kamu berdusta?»
75. Mereka menjawab: «Balasannya ialah sesiapa yang didapati benda itu pada kenderaannya, maka dialah sendiri yang menjadi balasannya<sup>(1)</sup>. Demikianlah kami membalas orang yang zalim».
76. Maka Yusuf pun mulailah memeriksa tempat-tempat barang mereka sebelum

قَالُوا وَقَبِلُوا عَلَيْهِمْ مَاذَا تَفْقِدُونَ ﴿٧١﴾

قَالُوا أَنْفَقْنَا صَوَاعَ الْمَلِكِ وَلِمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

قَالُوا تَأْتِيهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا جِئْتَنَا لِنُفْسِدَ فِي الْأَرْضِ وَمَا كُنَّا سَادِقِينَ ﴿٧٣﴾

قَالُوا فَمَا جَزَاؤُهُ إِنْ كُنْتُمْ كَاذِبِينَ ﴿٧٤﴾

قَالُوا جَزَاؤُهُ مَنْ أُجِدَ فِي رَحْلِهِ فَهُوَ جَزَاؤُهُ كَذَلِكَ نَجْزِي الظَّالِمِينَ ﴿٧٥﴾

فَبَدَأَ بِأَوْعِيَتِهِمْ قَبْلَ وِعَاءِ أَخِيهِ ثُمَّ

1 Menurut syariat nabi Yaakub a.s, sesiapa mencuri maka hukumannya dijadikan hamba selama setahun.

memeriksa tempat barang saudara kandungnya (Bunyamin). Kemudian dia mengeluarkan benda yang hilang itu dari tempat simpanan barang saudara kandungnya. Demikianlah Kami menjayakan rancangan untuk (menyampaikan hajat) Yusuf. Dia tidak akan dapat mengambil saudara kandungnya menurut undang-undang raja, kecuali jika dikehendaki oleh Allah. (Dengan ilmu), Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki dan tiap-tiap orang yang berilmu, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.

77. Mereka berkata: «Jika dia mencuri, maka (tidaklah pelik) kerana sesungguhnya saudara kandungnya pernah juga mencuri dahulu». (Mendengar kata-kata yang menyinggung itu) maka Yusuf pun menyembunyikan perasaannya dan tidak menyatakannya kepada mereka, sambil berkata (dalam hati): «Kamulah yang lebih buruk keadaannya dan Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu katakan itu».

78. Mereka pun merayu dengan berkata: «Wahai Al-Aziz! Sesungguhnya dia (Bunyamin), mempunyai bapa yang sangat tua. Maka, ambillah salah seorang di antara kami sebagai penggantinya. Sesungguhnya

أَسْتَحْرِجُهُمَا مِنْ وَعَاءِ أَخِيهِ كَذَلِكَ كِدْنَا  
لِيُوسُفَٰ مَا كَانَ لِيَأْخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ  
الْمَلِكِ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ نَرْفَعُ دَرَجَاتٍ مَّن  
نَشَاءُ وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عَلِيمٌ ﴿٧٦﴾

﴿ قَالُوا إِن يَسْرِفْ فَقَدْ سَرَفَ أَخٌ لَهُ  
مِّن قَبْلٍ فَأَسْرَهَا يُوسُفُ فِي نَفْسِهِ وَلَمْ  
يُبْدِهَا لَهُمْ قَالَ أَنْتُمْ شَرُّ مَكَانٍ وَأَلَّهُ  
أَعْلَمُ بِمَا تَصِفُونَ ﴿٧٧﴾

قَالُوا يَا أَيُّهَا الْعَزِيزُ إِنَّ لَهُ أَبًا شَيْخًا  
كَبِيرًا فَخُذْ أَحَدَنَا مَكَانَهُ إِنَّا نَرَاكَ  
مِنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٧٨﴾

kami melihatmu adalah daripada golongan orang yang sentiasa berbudi».

79. Yusuf berkata: «Kami berlindung kepada Allah daripada mengambil hak sesiapa pun kecuali orang yang kami dapati barang kami dalam simpanannya. Sesungguhnya jika kami mengambil hak orang lain, pastilah kami menjadi orang yang zalim».
80. Maka apabila mereka berputus asa daripada mendapat pertolongannya, mereka pun mengasingkan diri lalu bermesyuarat tentang perkara itu. Yang paling tua di kalangan mereka berkata: «Tidakkah kamu ketahui bahawa bapa kamu telah mengambil janji daripada kamu yang dikuatkan dengan nama Allah dan dahulu pun kamu telah mencuaikan janji dan sumpah kamu terhadap (keselamatan) Yusuf? Maka, aku tidak sama sekali akan meninggalkan negeri (Mesir) ini sehingga bakamu mengizinkan aku (kembali) atau sehingga Allah menghukum bagiku (untuk meninggalkan negeri ini) dan Dialah Hakim yang Maha Adil.
81. Kembalilah kamu kepada bapa kamu dan katakanlah: «Wahai ayahanda kami! Sesungguhnya anakmu (Bunyahamin) telah

قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ أَنْ نَأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا  
مَتَّعِنَا بِهِ وَإِنَّا إِذَا الظَّالِمُونَ ﴿٧٩﴾

فَلَمَّا اسْتَيْسَسُوا مِنْهُ خَلَصُوا نَجِيًّا قَالَ  
كَبِيرُهُمْ أَلَمْ تَعْلَمُوا أَنَّ أَبَاكُمْ قَدْ  
أَخَذَ عَلَيْكُمْ مَوْثِقًا مِنَ اللَّهِ وَمِن قَبْلُ مَا  
فَرَّطْتُمْ فِي بُيُوتٍ فَلَنْ أُنزِلَ الْأَرْضَ حَتَّى  
يَأْذَنَ لِي أَوْ يَحْكُمَ اللَّهُ لِي وَهُوَ خَيْرُ  
الْحَاكِمِينَ ﴿٨٠﴾

أَرْجِعُوا إِلَى آبَائِكُمْ فَقُولُوا إِنَّا بَنَاتٌ  
أَبْنَاتُكُمْ سَرَقْنَا وَمَا شَهِدْنَا إِلَّا الْإِيمَانُ عَلِمْنَا  
وَمَا كُنَّا لِلْغَيْبِ حَفِظِينَ ﴿٨١﴾

mencuri dan kami tidak menjadi saksi (terhadapnya) kecuali dengan apa yang kami ketahui dan kami tidak dapat menjaga perkara yang ghaib.

82. Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) tempat kami tinggal (berdagang) dan kepada kafilah yang datang bersama kami. Sesungguhnya kami adalah orang yang benar».
83. (Setelah mereka kembali dan menyampaikan hal itu kepada bapa mereka) dia berkata: «(Tidaklah benar apa yang kamu katakan itu) bahkan nafsu kamu telah memperelokkan pada pandangan kamu suatu perkara (yang kamu rancangkan). Jika demikian, bersabar itulah yang sebaik-baiknya, mudah-mudahan Allah mengembalikan mereka semua kepadaku. Sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.
84. Dan (Yaakub) pun berpaling dari mereka (kerana berita yang mengharukan itu) sambil berkata: Aduhai sedihnya aku kerana Yusuf. Dan putihlah dua belah matanya disebabkan ratapan tangisan kesedihannya kerana dia orang yang memendamkan marahnya di dalam hati.
85. Mereka berkata: «Demi Allah, ayah tidak habis-habis mengingati

وَسَعَلَ الْقَرِيَّةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْغَيْرَ الَّتِي  
أَقْبَلْنَا فِيهَا وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴿٨٢﴾

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْراً  
فَصَبِرْ وَجَمِيلٌ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَنِي بِهِمْ  
جَمِيعاً إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٨٣﴾

وَتَوَلَّى عَنْهُمْ وَقَالَ يَا أَسْفَىٰ عَلَىٰ يَوْسُفَ  
وَأَبْيَضَّتْ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُزَنِ فَهُوَ  
كَظِيمٍ ﴿٨٤﴾

قَالُوا تالله نفضوا نذركم يوسف حتى



Yusuf sehingga ayah sakit merana atau menjadi dari orang yang binasa».

86. (Yaakub) Dia menjawab: «Sesungguhnya aku hanyalah mengadu kesusahan dan kesedihanku kepada Allah dan aku mengetahui (dengan perantaraan wahyu) daripada Allah apa yang kamu tidak mengetahuinya.
87. Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunjamin) dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu kecuali kaum yang kafir».
88. Maka (bertolaklah mereka ke Mesir dan) setelah mereka masuk menghadap Yusuf, mereka pun berkata: «Wahai Al-Aziz, kami dan keluarga kami telah menderita (kemarau). Maka kami datang dengan membawa barang-barang yang kurang baik dan tidak berharga (untuk menjadi tukaran dengan makanan negeri ini). Maka, sempurnakanlah sukatan bekalan makanan bagi kami dan mendermalah kepada kami, sesungguhnya Allah membalas dengan sebaik-baik balasan kepada orang yang menderma».

تَكُونُ حَرْصًا أَوْ تَكُونُ مِنَ  
الْهَالِكِينَ ﴿٨٥﴾

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُو بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ  
وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

يَبْنِي أَذْهَابًا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ  
وَلَا تَأْتِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْتِسُ  
مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

فَلَمَّا دَخَلُوا عَلَيْهِ قَالُوا يَا أَيُّهَا الْعَزِيزُ  
مَسَّنَا وَأَهْلَنَا الضُّرُّ وَجِئْنَا بِبِضْعَةٍ  
مُرْجَلَةٍ فَأَوْفِ لَنَا الْكَيْلَ وَتَصَدَّقْ  
عَلَيْنَا إِنَّ اللَّهَ جَزِيءٌ مُتَصَدِّقِينَ ﴿٨٨﴾

89. Yusuf berkata: «Tahukah kamu (betapa buruknya) apa yang kamu telah lakukan kepada Yusuf dan adiknya ketika kamu masih jahil (tentang buruknya perbuatan yang demikian)?»
90. Mereka bertanya (dengan hairan): «Engkau ini Yusufkah?» Dia menjawab: «Akulah Yusuf dan ini adikku (Bunyamin). Sesungguhnya Allah telah mengurniakan nikmatNya kepada kami. Sebenarnya sesiapa yang bertaqwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang yang melakukan kebaikan».
91. Mereka berkata: «Demi Allah! Sesungguhnya Allah telah melebihkan dan memuliakan engkau daripada kami (disebabkan taqwa dan kesabaranmu) dan sesungguhnya kami adalah orang yang bersalah»
92. Yusuf berkata: «Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu). Semoga Allah mengampunkan dosa kamu. Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang mengasihani.
93. Pergilah dengan membawa bajuku ini kemudian letakkan pada muka ayahku supaya dia dapat melihat kembali. Kemudian selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya».

قَالَ هَلْ عَلِمْتُمْ مَا فَعَلْتُمْ يُّوسُفَ  
وَآخِيهِ إِذْ أَنْتُمْ جَاهِلُونَ ﴿٨٩﴾

قَالُوا أَيْ تَكْ لَأَنْتَ يُّوسُفُ قَالَ أَنَا يُّوسُفُ  
وَهَذَا أَخِي قَدَّمَنِي اللَّهُ عَلَيْنَا إِنَّمَا كَانَ  
يَتَّقِي وَيَصْبِرُ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ  
الْمُحْسِنِينَ ﴿٩٠﴾

قَالُوا تَأْتِيهِ لَقَدْ أَشْرَكَ اللَّهُ عَلَيْنَا وَإِنْ  
كُنَّا لَخٰطِئِينَ ﴿٩١﴾

قَالَ لَا تَأْتِي بَعْضُكُمْ أَلْيَوْمَ يَغْفِرُ اللَّهُ  
لَكُمْ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٩٢﴾

أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْقُوهُ عَلَى وَجْهِهِ  
أَي يَأْتِ بِصِدْرٍ وَأَنْوْفٍ بِأَهْلِكُمْ  
أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

94. Dan ketika kafilah keluar (mereka meninggalkan Mesir menuju ke tempat bapa mereka di Palestin), bapa mereka berkata (kepada kaum kerabatnya yang ada di sisinya): «Sesungguhnya aku ada terhidu bau Yusuf. Jika kamu tidak menyangka aku sudah nyanyuk (pasti kamu akan mempercayai)».
95. Mereka berkata: «Demi Allah! Sesungguhnya engkau masih berada dalam keadaan tidak siumanmu yang lama».
96. Maka sebaik-baik sahaja datang pembawa berita yang menggembirakan itu, dia pun meletakkan baju Yusuf pada muka Yaakub, lalu menjadilah dia celik kembali seperti sediakala. Yaakub berkata: «Bukankah aku telah katakan kepada kamu, sesungguhnya aku mengetahui (dengan perantaraan wahyu) daripada Allah akan apa yang kamu tidak mengetahuinya?»
97. Mereka berkata: «Wahai ayah kami! Mohonlah keampunan bagi kami terhadap dosa-dosa kami, sesungguhnya kami adalah orang yang bersalah».
98. Yaakub berkata: «Aku akan meminta ampun bagi kamu dari Tuhanku; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani».

وَلَمَّا فَصَلَتِ الْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّي  
لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ لَوْلَا أَن نُّفَنِّدُونَ ﴿٩٤﴾

قَالُوا تَاللَّهِ إِنَّكَ لَفِي ضَلَالِكَ الْقَدِيمِ ﴿٩٥﴾

فَلَمَّا أَن جَاءَ الْبَشِيرُ قَدَهُ عَلَى وَجْهِهِ  
فَازْتَدَّ بَصِيرًا قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ  
مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا  
خَاطِبِينَ ﴿٩٧﴾

قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٩٨﴾

99. Maka ketika mereka (Yaakub dan keluarganya) masuk (ke Mesir) menemui Yusuf, dia segera menyambut serta memeluk kedua ibu bapanya<sup>(1)</sup>, sambil berkata: «Masuklah kamu ke negeri Mesir, insya Allah kamu berada di dalam keamanan.

100. Dan dia mendudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. (Pada saat itu) Yusuf berkata: «Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya, Dia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan aku dari penjara. Dia juga telah membawa kamu ke mari dari pedalaman selepas syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Lemah-lembut bagi apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

101. «Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan aku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran

فَلَمَّا دَخَلُوا عَلَى يُوسُفَ آوَىٰ إِلَيْهِ أَبَوَيْهِ  
وَقَالَ أَدْخُلُوا مَعِيَ إِن شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ ﴿٩٩﴾

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا  
وَقَالَ يَا بَنَاتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ قَدْ  
جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي  
مِنَ السِّجْنِ وَجَاءَ بِكُمْ مِنَ الْبَدْوِ مِنْ بَعْدِ  
أَنْ نَزَعَ الشَّيْطَانُ بَيْنِي وَبَيْنَ إِخْوَتِي إِنَّ  
رَبِّي لَطِيفٌ لِمَا يَشَاءُ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ  
الْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾

\* رَبِّ قَدْ آتَيْتَنِي مِنَ الْمَلِكِ وَعَلَّمْتَنِي  
مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ أَنْتَ وَلِيِّ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ  
تُوفِنِي مُسْلِمًا وَالْحَقِّنِي بِالصَّلَاةِ ﴿١٠١﴾

1 Ayah dan saudara ibunya.

mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat. Sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam dan gabungkanlah aku dengan orang yang soleh».

- 102.** (Kisah Yusuf) yang demikian ialah dari berita-berita yang ghaib yang kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), sedang engkau tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka sepakat mengambil keputusan (hendak membuang Yusuf ke dalam perigi) dan ketika mereka menjalankan tipu daya (terhadapnya untuk membinasakannya).
- 103.** Dan kebanyakan manusia tidak akan beriman walaupun engkau terlalu ingin supaya mereka beriman.
- 104.** Engkau tidak meminta kepada mereka sebarang ganjaran tentang ajaran Al-Quran, sedangkan Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan dan pengajaran daripada Allah bagi umat manusia seluruhnya.
- 105.** Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang kali ketika mereka pergi dan datang,

ذَٰلِكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ لَدَيْهِمْ إِذْ أَتَوْا بِأَمْرِهِمْ وَهُمْ يَمْكُرُونَ ﴿١٠٢﴾

وَمَا أَكْثَرُ النَّاسِ وَلَوْ حَرَصْتَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَمَا تَسْأَلُهُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ﴿١٠٤﴾

وَكَآيِنٌ مِنْ آيَاتِهِ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَمُرُّونَ عَلَيْهَا وَهُمْ عَنْهَا مُعْرِضُونَ ﴿١٠٥﴾

namun mereka tidak juga menghiraukannya.

- 106.** Dan kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukanNya juga dengan yang lain.
- 107.** (Mengapa mereka bersikap demikian?) Adakah mereka merasa aman daripada didatangi azab Allah yang meliputi mereka atau didatangi hari kiamat secara mengejut ketika mereka tidak menyedarinya?
- 108.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Inilah jalanku, aku dan orang yang mengikutiku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan bukti yang jelas. Dan aku menegaskan bahawa Maha Suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik) dan bukanlah aku daripada golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain».
- 109.** Dan tidaklah Kami mengutuskan rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan seorang lelaki daripada penduduk bandar, yang kami wahyukan kepada mereka. Maka mengapa orang (yang tidak mahu beriman) itu tidak mengembara di muka bumi, supaya mereka memerhatikan bagaimana akibat orang kafir yang terdahulu dari mereka? Sesungguhnya negeri akhirat

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ ﴿١٠٦﴾

أَفَأَمِنُوا أَنْ تَأْتِيَهُمْ غَشِيَةٌ مِّنْ عَذَابِ اللَّهِ أَتَىٰ تَأْتِيَهُمُ السَّاعَةُ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٠٧﴾

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رَجُلًا لَّا نُوحِي إِلَيْهِمْ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٠٩﴾

lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Maka, mengapa kamu tidak mahu berfikir?

**110.** (Orang yang mendustakan agama Allah itu telah diberi tempoh yang lama sebelum ditimpakan dengan azab) hingga apabila para rasul berputus asa terhadap kaumnya yang ingkar dan menyangka bahawa mereka telah disifatkan oleh kaumnya sebagai orang yang berdusta, datanglah pertolongan Kami kepada mereka, lalu diselamatkanlah sesiapa yang Kami kehendaki. Dan (ingatlah bahawa) azab Kami tidak akan dapat ditolak oleh sesiapa pun daripada menimpa kaum yang berdosa.

**111.** Sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang berakal. (Kisah para nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya. Ia juga sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.

حَتَّىٰ إِذَا اسْتَيْسَسَ الرُّسُلُ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ  
قَدْ كُذِّبُوا جَاءَهُمْ نَصْرٌ نَّا فُجِّيَ مِنْ نَشَأِهِ  
وَلَا يَرُدُّ بِأَسْنَانٍ الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿١١٠﴾

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ  
مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ  
الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ  
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾